

[JUDAIZATION OF THE BAITUL MAQDIS TOWN AFTER THE 1967'S ISRAEL OCCUPATION: ERADICATING THE ARAB-ISLAM IDENTITY IN THE HISTORICAL NARRATIVE AND HERITAGE OF PALESTINE]

PENYAHUDIAN (*JUDAIZATION*) KOTA BAITUL MAQDIS SELEPAS PENAKLUKAN ISRAEL, 1967: MENGIKIS IDENTITI ARAB-ISLAM DALAM NARATIF SEJARAH DAN WARISAN PALESTIN

Muhamad Hasrul Zakariah
hasrul74@usm.my
School of Humanities, Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, Malaysia

Abstrak

Makalah ini menyelidiki dasar dan proses penyahudian yang dilaksanakan oleh kerajaan Israel untuk menghapuskan identiti Arab-Islam di kota Baitul Maqdis, Palestin. Objektif utama kajian ialah untuk mencerakinkan polisi dan proses penyahudian tersebut yang telah dilaksanakan oleh Tel Aviv sejak penubuhan negara Israel pada tahun 1948. Makalah ini akan memberikan fokus kepada proses penyahudian selepas teretusnya Perang Enam Hari, Arab-Israel pada tahun 1967 apabila regim Zionis menakluki wilayah timur kota suci ini dan mewujudkan Baitul Maqdis yang bersatu. Berdasarkan perspektif disiplin sejarah, regim Zionis telah melaksanakan pelbagai tindakan untuk mengubah karakter bandar ini dari kota warisan Arab-Islam kepada kota yang beridentitikan Yahudi. Di sebalik kritikan keras oleh masyarakat antarabangsa dan dunia Islam, Tel Aviv meneruskan misi mereka untuk membina semula bandar Yahudi Jerusalem yang diimajinasikan melalui inisiatif penyahudian tadi. Misi ini dilaksanakan melalui dasar penjajahan haram mereka dengan regim Zionis mengubah karakter kota ini secara unilateral. Hal ini dilakukan dengan menakluki wilayah timur bandar suci ini, memperkenalkan undang-undang pemilikan tanah yang tidak sah, meruntuhkan monumen warisan dan memusnahkan tempat-tempat sakral seperti perkuburan dan masjid, memarginalisasikan penduduk Palestin dan membina tugu berasaskan mitos Yahudi. Dengan menggunakan metodologi analisis dan dokumen sejarah, makalah ini mendedahkan misi tersembunyi dan tindakan tidak beretika oleh regim Yahudi dalam menjustifikasikan keabsahan sejarah terhadap kota kuno ini, sekaligus menghapuskan secara sistematik fakta dan naratif sejarah sedia ada yang membuktikan hakikat sebenar bahawa bandar lama Baitul Maqdis adalah milik umat Islam.

Kata kunci: warisan, sejarah, Zionis, Baitul Maqdis, Palestin, Penyahudian

Abstract

This article examines the policy and process of Judaization implemented by the Israeli government to eradicate the Arab-Islam's identity in the town of Baitul Maqdis, Palestine. The main objective of the discourse is to unveil the Judaization policy and process implemented by Tel Aviv since the foundation of the Jews state in 1948. Hence, the focus is given to the Judaization process after the 1967's Arab-Israeli War when the Zionist regime occupied the eastern part of the city, subsequently establishing the unified Baitul Maqdis. From a historical perspective, the regime had implemented various actions to change the authentic character of the town from the Arab-Islam town into a city with a Jewish's identity. Despite harsh critics from international community and the Muslim World, Tel Aviv continues the mission to rebuild the reimagined Jews City of Jerusalem through Judaization initiative. This mission was undertaken through an illegal occupation policy. Eventually, the Zionist regime altered the character of the city unilaterally by annexing the occupied territory, introducing the illegal land laws, bulldozing the Arab-Islam monuments, heritages, and sacred sites

such as tombs and mosques, marginalizing the Palestinian community in the city and recreating the Jews statues of historical myth. By applying historical method of analysis and sources, this study discloses the hidden unethical mission and systematic actions of the Jews regime in eliminating the existing historical facts and narrative that the old town of Baitul Maqdis belongs to the Muslim.

Keyword: heritage, history, Zionis, Baitul Maqdis, Palestine, Judaization

Article Received:
19 September 2021

Article Reviewed:
30 November 2021

Article Published:
27 December 2021

PENGENALAN

Tanggal 10 Mei 2021 masyarakat antarabangsa dikejutkan sekali lagi dengan tindakan pencerobohan dan keganasan tentera Israel terhadap penduduk Palestin khususnya terhadap mereka yang sedang melaksanakan ibadah solat di Masjid Al-Aqsa, Baitul Maqdis. Di samping itu, keganasan itu turut berlaku melalui proses pengusiran penduduk Arab di penempatan Sheikh al-Jarrah untuk dijadikan lokasi penempatan haram pendatang Yahudi. Tindakan yang telah mencetuskan keganasan ini merupakan tindakan berulang yang telah dilakukan sebelum tahun 1967 dan menjadi kian agresif apabila wilayah ini ditakluki oleh regim Zionis pada bulan Jun tahun 1967. Sasaran utama Israel ialah menguasai tempat-tempat yang dianggap suci bagi masyarakat Yahudi yang selama ini diuruskan oleh penduduk Islam untuk ditukar berdasarkan kepada kepercayaan dan tradisi Judaisme sejak tahun 1948. Tindakan rekonstruksi identiti Yahudi di Baitul Maqdis ini telah dikoordinasi oleh Kementerian Agama Israel sejak 1948 dengan diketuai oleh ketua pengarahnya, Shmuel Zangwill Kahana (Pappe, 2006).

Makalah ini tidaklah berhasrat untuk membincangkan secara terperinci laporan keganasan berulang tentera Israel pada malam 10 Mei itu, sebaliknya objektif utama makalah ini ialah untuk menganalisis proses dan dasar penyahudian kota Baitul Maqdis oleh regim Israel pasca perang 1967. Lanjutan daripada peristiwa perang ini, wilayah timur Baitul Maqdis telah ditakluki oleh regim Israel dan sehingga kini kekal di bawah penaklukan mereka. Salah satu tindakan yang diambil oleh Israel sebaik menakluki wilayah Baitul Maqdis Timur yang disatukan dengan Baitul Maqdis Barat yang dikawal oleh Israel sejak tahun 1949 ialah proses penyahudian seluruh kota Baitul Maqdis yang dilaksanakan oleh Israel ialah melalui tindakan penggabungan (*annexation*) wilayah Timur Baitul Maqdis dengan wilayah Barat selepas ditakluki pada tahun 1967, diikuti dengan pengenalan dasar rasmi penyahudian yang sistematik lagi komprehensif melalui Pelan Induk Jerusalem 2020. Berdasarkan pelan ini, proses penyahudian (*Judaization*) kemudiannya dijayakan menerusi kaedah pengubahsuaian demografi, ruang dan karakter seluruh wilayah Baitul Maqdis ke arah mewujudkan identiti kota Yahudi bagi bandar warisan ini (Abuzayyad et al., 2013).

DASAR DAN PROSES PENYAHUDIAN (*JUDAIZATION*) BAITUL MAQDIS SEBELUM 1967

Terma dasar 'penyahudian' (*Judaization*) atau seringkali juga disebut sebagai 'de-arabisasi' telah digunakan oleh ramai penyelidik bagi merujuk kepada strategi dan polisi Israel dalam mentransformasikan wilayah Palestin yang ditakluki oleh regim Zionis kepada wilayah beridentiti Yahudi (Falah, 1989). Proses penyahudian pula meliputi proses pengosongan sepenuhnya sesuatu wilayah, atau sebahagian populasi Arab di wilayah yang ditakluki untuk dipindahkan atau dikeluarkan, menutup wilayah tersebut,

menghalang akses dan penggunaan tanah oleh pemilik asal Arab dan penduduknya. Dalam masa yang sama, proses penyahudian dijalankan oleh kerajaan Israel dan pelbagai organisasi Zionis menggunakan strategi meningkatkan populasi penduduk Yahudi berbanding Arab dan memusnahkan segala identiti Arab Palestin serta karakter Islam di wilayah yang ditakluki (Nijim, 1984; Falah, 1989). Sejak tahun 1948, antara strategi yang digunakan oleh Israel dalam mengubah lanskap dan identiti Palestin ialah melalui proses mengubah demografi penduduk di wilayah yang diduduki. Mana-mana wilayah yang ditakluki termasuk di Baitul Maqdis Barat yang mempunyai nisbah penduduk Arab yang besar akan dikurangkan menjadi minoriti sahaja melalui proses pengusiran penduduk Palestin dan kemasukan beramai-ramai pendatang haram Yahudi. Polisi ini menggunakan pendekatan undang-undang misalnya melalui undang-undang *Law of Return 1950* dan *Citizenship Law 1952* yang menganugerahkan status 'Jewish National' kepada semua orang Yahudi di seluruh dunia hak untuk bermigrasi ke Palestin secara sah dan diberikan status warganegara. Manakala melalui undang-undang *Israel's Prevention of Infiltration: Offences and Jurisdiction* (1954) pula telah dilaksanakan polisi untuk mendiskriminasikan sebarang usaha penduduk Arab untuk pulang ke wilayah mereka yang dijajah oleh regim Zionis selepas 1948 (Munir, 2013). Melalui undang-undang seperti ini, karakter dan identiti Arab-Islam telah berubah apabila wilayah yang didominasi oleh bangsa Arab sebelumnya menjadi wilayah yang berkependudukan majoriti Yahudi. Selain strategi pengubahsuaian demografi, turut dilaksanakan ialah polisi untuk mengukuhkan budaya, imej dan jati diri Yahudi di wilayah yang ditakluki. Sebagai contohnya ialah dengan mengubah terminologi geografi seperti peta wilayah Palestin daripada Arab kepada Hebrew. Proses ini berlaku sejak sebelum tahun 1967 lagi dan menjadi kian agresif selepas itu. Contohnya pada tahun 2009, Yitzrael Katz, Menteri Pengangkutan dalam kerajaan Parti Likud pimpinan Benjamin Netanyahu mengisytiharkan perlunya usaha-usaha mengubah karakter Baitul Maqdis ini kepada identiti bandar Yahudi melalui penggunaan tanda nama-tanda nama termasuklah nama jalanraya kedalam bahasa Hebrew. Malahan nama kota Jerusalem dalam Bahasa Inggeris atau al-Quds dalam kalangan orang Arab juga perlu diseiringkan secara formal dengan nama *Yerusalaim* dalam bahasa Hebrew (Sulaiman, 2011).

Walaupun proses penyahudian ini telah bermula sejak tahun 1948, namun dalam konteks Baitul Maqdis, tidak terdapat satu dasar rasmi yang komprehensif diperkenalkan oleh Tel Aviv sehinggalah selepas penaklukan wilayah timur kota ini pada tahun 1967 yang dikenali sebagai Pelan Induk Jerusalem 2000, dan diisytiharkan kepada umum pada September 2004. Pelan yang asalnya dicetuskan oleh datuk bandar Baitul Maqdis, Ehud Olmert adalah berdasarkan Pelan Majlis Tempatan Baitul Maqdis No. 62 (untuk Jerusalem Barat) yang dirangka pada tahun 1959. Matlamat utama pelan ini seperti yang dinyatakan dalam laporan eksekutifnya ialah '*to secure an absolute Jewish majority in the city by creating a framework to proceed with the development of the city of Jerusalem as a capital for the "Jewish"*' (IMEMC, 2006). Pelan ini disifatkan sebagai '*the most recent and comprehensive part of the Israeli Judaization policy*' (Chiodeli, 2012). Manakala menurut Oren Yiftachel (2006) pula, tujuan utama pelan ini ialah untuk melaksanakan secara serentak proses '*judaization*' (misalnya melalui galakan pertambahan penempatan Yahudi) dan proses '*de-arabisation*' (misalnya dengan langkah menghalang perluasan perbandaran Arab). Pelan ini dilaksanakan dalam beberapa fasa sehinggalah kepada Pelan Induk Jerusalem 5050 yang mensasarkan penyahudian sepenuhnya kota Baitul Maqdis menjelang tahun 5050. Sementelah itu, amaran tentang visi mengkontruksi imej dan identiti Yahudi bersandarkan 'idea Yahudi' seperti yang terkandung dalam pelan ini telah diingatkan oleh ramai pengkaji termasuklah sarjana terkemuka, Edward Said yang pada tahun 1995 telah menyifatkan polisi ini sebagai '*only by first projecting an idea of Jerusalem could Israel then proceed to the changes of the ground [which] would then correspond to the images and projection*' (Said, 1995)

Ditinjau secara ringkas dari segi sejarahnya pula, proses penyahudian (Judaization) Baitul Maqdis khususnya, dan keseluruhan wilayah Palestin amnya telah berlangsung sejak penubuhan Israel pada tahun 1948 dengan cara mengikis sebarang identiti Arab-Islam yang wujud di kota suci ini. Dalam persidangan antarabangsa *International Conference on Jerusalem* anjuran Bahagian Hak Palestin, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 3 hingga 4 Mei 2016 di Dakkar, isu penyahudian bandar suci ini turut didedahkan oleh ramai perwakilan. Khalil Tafakji, Pengarah Jabatan Pemetaan dan Sistem Maklumat Geografi dari Persatuan Pengajian Arab di Baitul Maqdis melaporkan bahawa proses penyahudian ini telah dilaksanakan lama sebelum tahun 1967 lagi. Berdasarkan kepada peta Baitul Maqdis sebelum 1948, beliau menjelaskan bahawa sempadan Baitul Maqdis ketika era British telah diperluaskan ke arah barat bagi tujuan demografik, seterusnya memasukkan lebih ramai populasi Yahudi sebagai penduduk Baitul Maqdis. Justeru, tidak lah menghairankan kini Israel boleh mendakwa bahawa komuniti Yahudi ialah penduduk majoriti kota suci ini. Sementelah itu, kawasan penduduk Arab pula telah dikeluarkan daripada garis sempadan bandar Baitul Maqdis menjadikan jumlah populasi Arab sebagai minoriti di kota suci ini (Khalil, 2016). Sementara itu menurut Said Abu Ali, Penolong Setiausaha Agung dan Ketua Palestin dan Lain-lain Tanah Arab Yang Dijajah dari Liga Arab menegaskan bahawa keadaan di Baitul Maqdis Timur amat sukar disebabkan tindakan dan amalan penguatkuasa Israel yang telah 'Judaize' wilayah tersebut dan 'melupuskan identitinya'. Beliau menegaskan bahawa penakluk Israel telah,

committing unprecedented gross violations throughout the occupied Palestinian territory, especially in East Jerusalem. Jerusalem's inhabitants were being subjected to coercive measures to displace them and force them to vacate the Holy City in order to change its demographic nature, as part of a "Judaization" plan called "Jerusalem 2020" (Ali, 2016).

Antara polisi yang dilaksanakan oleh regim Israel sebelum tahun 1967 lagi ialah dengan mengambil alih lokasi yang dianggap suci dan tanah-tanah *waqf* milik orang Islam bagi tujuan di 'Yahudi'kan. Proses ini telah dimulakan sejak selepas Perang Dunia Pertama lagi melalui sumbangan dana oleh tokoh hartawan Yahudi. Tokoh-tokoh kaya dan terkenal Yahudi antaranya Sir Moses Montefiore dan Baron Edmund de Rothschild pernah mencuba untuk membeli tanah-tanah *waqf* milik umat Islam di Baitul Maqdis untuk ditukarkan pemilikannya kepada bangsa Yahudi tetapi kurang berjaya. Malahan cubaan untuk menguasai tanah *waqf* ini selepas Perang Dunia Pertama juga kurang berhasil sehingga membawa kepada penentangan berdarah umat Islam, misalnya pertempuran masyarakat Arab Baitul Maqdis dengan pendatang haram Yahudi pada tahun 1929 di sekitar tanah *waqf* di Tempok Ratapan (Tibawi, 1980). Menjelang penubuhan Israel pada tahun 1948, tempat-tempat suci di Baitul Maqdis ditadbir oleh komuniti Islam dengan kebanyakannya berstatus tanah *waqf*. Lokasi-lokasi ini termasuklah kawasan yang turut dianggap sakral oleh kaum Yahudi seperti al-Haram al-Ibrahimi, Makam Nabi Daud (David's Tomb) dan Waqf al-Kader (Elijah's Cave). Hanya beberapa lokasi di Baitul Maqdis yang diuruskan oleh komuniti Yahudi seperti Rachel's Tomb berhampiran Bethlehem, perkuburan Rabbi Meir Baal Hanes, berhampiran Laut Galilee dan perkuburan Rabbi Shimon Bar Yochai di Meron berhampiran Upper Galilee. Setelah Israel ditubuhkan, salah satu usaha yang dilakukan ialah mengenal pasti melalui aktiviti tinjauan (*survey*) dan pemetaan lokasi tempat-tempat suci termasuklah masjid-masjid, kawasan perkuburan dan pelbagai lokasi suci yang selama ini ditadbir oleh komuniti Islam. Hasil daripada proses tinjauan dan pemetaan ini, Kementerian Agama Israel kemudiannya melaksanakan proses 'pemuliharaan dan renovasi' yang kemudian membuka jalan kepada pembangunan semula tempat-tempat suci Yahudi.

Mulai bulan November 1948 pula, Kementerian Agama Israel telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang bertujuan kononnya 'memelihara lokasi-lokasi suci umat Islam di Israel'. Profesor Leon Aryeh Mayer, seorang pakar dalam kesenian Islam kemudiannya telah dilantik sebagai penasihat kepada jawatankuasa ini. Anggota lain termasuklah wakil daripada Kementerian Agama dan Jabatan Antikuiti, Kementerian Pendidikan Israel. Jawatan kuasa ini telah melakukan proses pengukuran untuk mengenalpasti masjid atau tanah *waqf* yang kemudiannya diklasifikasikan sebagai 'bangunan agama' (*religious building*) dan bukannya 'kawasan suci' (*holy places*). Selanjutnya, jawatan kuasa ini akan memulakan proses 'renovasi dan restorasi' terutamanya bangunan-bangunan seperti masjid yang dianggap 'ditinggalkan oleh umat Islam, yang meninggalkan negara'. Mulai tahun 1949, lokasi yang telah dibaik pulih ini kemudiannya akan ditukar statusnya kepada 'harta awam' atau 'harta kerajaan'. Contohnya ialah beberapa kawasan suci seperti makam Nabi Dawud di Pergunungan Zion, Sidna 'Ali di utara Tel Aviv dan makam Abu Hurairah di Yavneh (selatan Tel Aviv). Selanjutnya sebuah jabatan dikenali sebagai The Custodian of Absentees' Property telah ditubuhkan dengan tugas rasmi mulai tahun 1950 untuk 'melindungi' dan 'mentadbir' tempat-tempat suci umat Islam. Pada bulan Mac tahun yang sama, parlimen Israel kemudiannya telah meluluskan undang-undang *Absentees' Property Law* untuk memberikan hak kepada Kerajaan Israel merampas wilayah dan tanah-tanah komuniti Arab yang terlibat dengan perang tahun 1948. Menurut Doron Bar (2018), "*the law had a fateful impact on the now Judaized Muslim holy places as it gave the state the mandate to transfer most of the Muslim waqf's properties in Israel to the Custodian of Absentees' Property.*" Walau bagaimanapun undang-undang ini telah menimbulkan bantahan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya apabila lokasi yang diambil alih itu melibatkan tanah-tanah yang berstatus tanah *waqf*. Kerajaan pula tanpa mengendahkan sensitiviti penduduk Islam kemudiannya telah menyerahkan sepenuhnya pentadbiran tanah-tanah *waqf* ini kepada Kementerian Agama Israel, termasuklah bangunan-bangunan warisan dan monumen bersejarah Islam mulai tahun 1952 dengan Kementerian Agama bertindak sebagai agen kepada *Custodian* (Reiter, 1994)

Sejak tahun 1948 juga, melalui usul jawatan kuasa tadi tanah-tanah *waqf* ini telah diambil alih oleh pihak *Custodian*. Setelah diambil alih, maka masjid dan tanah *waqf* tadi mula di'Yahudi'kan dengan pelbagai cara termasuklah diruntuhkan atau dijadikan kawasan penempatan dan pertanian pendatang haram Yahudi, atau dijadikan restoran dan rumah kedai serta ada juga masjid yang ditukar menjadi rumah ibadat Yahudi. Contohnya ialah Masjid al-Khayriyyah yang dimusnahkan untuk pembukaan bandar baharu Givatayim dan masjid berusia ratusan tahun di Sarafand, di kawasan teluk di Haifa yang diruntuhkan oleh regim Israel. Sementara itu, Masjid Majdal dan Masjid Qisarya dijadikan restoran manakala masjid di Beersheba ditukar menjadi bangunan kedai. Selanjutnya ialah Masjid Ayn Hawd ditukar menjadi bar dan Masjid Zib dijadikan hotel. Tanah-tanah *waqf* milik masjid juga dirampas misalnya tanah milik Masjid Ayn Az-Zaytun yang dijadikan ladang tenusu (pengusaha ladang tenusu haram Yahudi kemudian telah mencabut semua batu tanda masjid dan binaan asal yang dimiliki pihak masjid diconteng dengan lukisan grafiti).

Selain itu, regim Zionis turut mewujudkan penempatan-penempatan haram Yahudi di sekeliling masjid atau laluan menuju ke masjid. Kaedah ini menyebabkan sesiapa yang ingin mengunjungi masjid terpaksa melalui tanah-tanah milik Yahudi, dan jika mereka melaluinya maka polis akan mengambil tindakan keras atas tuduhan menceroboh tanah milik persendirian. Contohnya ialah kedudukan Masjid Balad as-Syakh di Haifa dan Masjid Khalsa yang aksesnya terhalang dengan pembinaan bandar baharu Qiryat Shemona (lokasi bandar baharu ini asalnya ialah perkampungan Palestin sebelum dirampas oleh Israel bernama Kampung Ijzim dan masjid tersebut dibina sejak awal kurun ke-19). Tindakan ini mengakibatkan masjid-masjid terbabit semakin kurang dikunjungi dan akhirnya terbiar, lantas menjadi alasan yang kukuh bagi regim Israel merampasnya.

(Pappe, 2006). Dasar Israel dalam proses penyahudian ini merupakan salah satu punca utama kepada berlakunya konflik berterusan di bumi Baitul Maqdis. Apatah lagi apabila tindakan regim Zionis tadi melibatkan pencerobohan terhadap kawasan suci seperti masjid dan monumen bersejarah milik masyarakat Islam. Menurut Bowman (2012), *“Religious sites are here the repositories of core identities, and just as those identities must remain inviolate so too the sites must be protected from the presence of corrupting others possible.”* Sementelah itu, Hassner (2009) pula mengkritik tindakan seperti ini dan menyatakan bahawa kawasan sakral adalah lokasi yang tidak boleh dikongsi, bersifat *‘indivisibility’*, apatah lagi pencerobohan yang boleh mencetuskan konflik yang berterusan.

Sacred places are integrated monolithic spaces that cannot be subdivided; they have clearly defined and inflexible boundaries... [T]he religious prerequisites for safeguarding these sites from desecration require believers to have complete and exclusive control over them. Thus, competing groups may resort to violence in order to gain control over such a site.

PERANG ENAM HARI ARAB-ISRAEL, JUN 1967 DAN PENAKLUKAN BAITUL MAQDIS TIMUR.

Tanggal 5 Jun 1967 telah tercetus pertempuran antara tentera-tentera Israel dengan ketumbukan tentera Jordan di kota Baitul Maqdis. Perang yang berlangsung selama enam hari ini kemudiannya menyaksikan wilayah timur Baitul Maqdis yang ditadbir oleh Jordan sejak tahun 1948 telah ditakluki oleh Israel. Sebaik seluruh bumi Baitul Maqdis ditakluki pada 7 Jun 1967, Menteri Pertahanan Israel, Jeneral Moshe Dayan mengisytiharkan *“The Israeli Defence Forces have liberated Jerusalem. We have reunited the torn city, the capital of Israel. We have returned to this most sacred shrine, never to part from it again”* (Committee on the Exercise of the Inalienable Rights of the Palestinian People, 1997). Pada keesokannya pula, *Jerusalem Municipal Council* meluluskan peruntukan serta merta \$USD 5 juta daripada dana *Jerusalem National Fund* (JNF) untuk memperbaiki semula The Wailing Wall (Tembok Ratapan) di bandar lama Baitul Maqdis. Pada 10 Jun 1967 pula, satu mesyuarat sulit diadakan membabitkan beberapa tokoh Yahudi antaranya ialah pakar arkeologi Profesor Michael Abe Yona, Ariel Sharon (Presiden Persatuan Arkitek Israel), Jacob Salmon (Timbalan Gabenor Tentera) dan Teddy Kollek, Datuk Bandar Baitul Maqdis yang baharu. Dalam mesyuarat tersebut telah diputuskan bahawa kawasan sekitar Tembok Ratapan khususnya di Kuarters Maghribi akan dimusnah dan diratakan. Proses ini bagi memberi laluan kepada pembukaan kawasan yang lebih luas bagi masyarakat Yahudi untuk menjalani ritual keagamaan di Tembok Ratapan. Pihak yang dipertanggungjawabkan ialah Pihak Berkuasa Taman Nasional dengan dibantu oleh pasukan tentera dan Jabatan Arkeologi, Kementerian Pendidikan (Tibawi, 1980).

Lanjutan daripada keputusan ini, maka dengan menggunakan jentolak berat tindakan meruntuhkan bangunan milik umat Islam yang dibina di tanah *waqf* dimulakan. Rumah-rumah penduduk diruntuhkan seperti perumahan Abu Saud, selain lokasi pengajian Islam seperti az-Zawiyyah al-Fakhriyyah. Turut diratakan ialah binaan dan kubur milik umat Islam seperti kubur as-Shaikh, Pengetua Sekolah al-Afdaliyyah yang diasaskan oleh al-Afdal - anak kepada Salehudin al-Ayubbi (Ārif, 1961). Seterusnya pihak berkuasa Israel turut meruntuhkan lebih 135 buah rumah penduduk Arab yang berdekatan dengan Tembok Ratapan ini dengan diketuai oleh komander perang Israel di Baitul Maqdis, Uzi Narkiss. Penghuni rumah-rumah ini telah diberikan masa tidak lebih dari satu jam untuk mengosongkan kediaman masing-masing sebelum diruntuhkan (Segev, 2005). Dalam proses ini bukan sahaja seluruh harta penduduk dan tanah *waqf* dirampas, malahan turut menyebabkan kehilangan nyawa. Contohnya seorang wanita

bernama al-Hajjah Rasmiyyah 'Ali Taba'ki yang jenazahnya telah ditemui tertimbus dalam runtuhannya rumah yang dirobuhkan oleh Israel ketika itu (Tibawi, 1980).

Bagi pemimpin Israel pula, tujuan rampasan tanah *waqf* di Kwarters Maghribi ini adalah satu tindakan yang sah bertujuan untuk dijadikan kawasan ibadat dan ritual Yahudi. Hal ini digambarkan melalui sikap salah seorang tokoh Israel yang terlibat secara langsung dalam proses perobohan dan pengusiran tadi iaitu Dan Max Tanai, ketua Bahagian Kejuruteraan, Pihak Berkuasa Taman Nasional Israel.

Now in the eve of the feast of Shavuot, bulldozers and rollers had created an area that could enable 200,000 Jews to stand in front of the remnants of the Temple. Tanai considered the price that 135 Arab families had had to pay for this result. He weighted the suffering of the Arab inhabitants on the one hand and the Jewish national interest on the other and concluded that the later decidedly more important. A book that his friend Joshua Rotenstreich had given him convinced him that the Arab had violated the legal interest of the Jewish people in the Wailing Wall. He therefore believes that this share in the destruction of the Maghribah Quarter and the forcible of its inhabitants was justified (Tibawi, 1980).

Semua tindakan yang dilakukan dalam pengusiran penduduk Arab ini turut mendapat sokongan daripada pimpinan tertinggi regim Israel. Antaranya ialah Jeneral Moshe Dayan, Menteri Pertahanan Israel sendiri yang pada ketika itu telah melawat tapak tanah *waqf* dan rumah-rumah penduduk Arab yang diroboh pada 11 Jun. Dayan telah mengarahkan agar proses ini dipercepatkan dan menegaskan bahawa penyegeraan ini perlu dilakukan secara sulit bagi memastikan tindakan ini tidak diketahui oleh masyarakat antarabangsa. Keseluruhan proses merobuhkan rumah penduduk Arab ini kemudiannya berjaya dilakukan menjelang bulan Jun tahun 1969. Malahan sokongan kuat turut diberikan oleh Sholomo Lahat, Gebenor Jerusalem Timur serta Jacob Shamson Shapira, Menteri Kehakiman Israel (Tibawi, 1980).

Selain Kwarters Maghribi, kabinet Israel juga telah mengarahkan penduduk Arab yang tinggal di Kwarters Yahudi pula turut dihalau keluar melibatkan lebih 300 penduduk (Morris, 2001). Perlu ditegaskan di sini, walaupun dinamakan Kwarters Yahudi tetapi pemilikan tanah oleh komuniti Yahudi di kawasan ini amatlah sedikit. Kwarters ini mempunyai 1,500 rumah yang didiami oleh 5,300 penduduk Arab yang kebanyakannya adalah pelarian dari Hebron. Kawasan ini adalah kawasan tanah *waqf* umat Islam tetapi penduduk Yahudi telah lama tinggal di situ. Justeru, pemimpin Yahudi seperti Lahat dan Salman dengan nasihat anak kepada Rabbi Abraham Mordechai Feinfurten, (ketua komuniti Yahudi di situ pada tahun 1948) mendakwa bahawa kawasan *waqf* itu adalah milik Yahudi sejak Zaman Pertengahan, lantas beranggapan mereka mempunyai alasan yang kukuh untuk mengusir komuniti Arab-Islam yang tinggal di situ. Penduduk Islam yang diusir ini kemudiannya ditempatkan di kawasan Shu'fat, Beit Hanina dan perkampungan Silwan (Tibawi, 1980).

Selanjutnya regim Israel turut telah meluaskan lagi sempadan kota Baitul Maqdis dengan memasukkan Pergunungan Scopus, perkampungan Sheikh-Jarrah dan wilayah Shuafat sehingga ke Lapangan Terbang Atarot (Kalandia) sebagai sebahagian daripada pentadbiran Baitul Maqdis baharu, dan tindakan ini disahkan oleh parlimen Israel secara rasmi melalui undang-undang yang diluluskan oleh parlimen pada 27 Jun 1967. Undang-undang ini mengabsahkan kuasa Menteri Dalam Negeri Israel menguatkuasakan undang-undang dan pentadbiran Israel "*in any area of Palestine to be determined by decree*" (Tessler, 1994). Pada keesokannya, melalui undang-undang ini wilayah Baitul Maqdis Timur yang ditakluki tentera Zionis secara rasminya diletakkan di bawah pentadbiran Israel (Stein, 2005). Selain itu, Israel turut merampas dan merobuhkan rumah-rumah penduduk Arab di sepanjang jalan utama menuju ke Baitul Maqdis tanpa sebarang pampasan yang wajar. Antaranya termasuklah empat buah kampung di sepanjang laluan

jalanraya Tel-Aviv- Jerusalem dan dua buah kampung di wilayah Hebron dan Kalkilya. Dato' bandar Kalkilya juga turut dihalau keluar dari rumah beliau dan penduduk bertempiran melarikan diri sehelai sepinggang meninggalkan penempatan mereka (Segev, 2005).

Sementelah itu, laporan oleh wakil khas PBB ke Baitul Maqdis ketika itu, Duta Ernst Thälmann memperincikan bahawa melalui ordinan baharu ini, regim Israel telah meluaskan kuasa perundangan, sistem kehakiman dan legislatif Israel ke atas seluruh Baitul Maqdis. Berdasarkan proses bancian (census), had pentadbiran baharu regim Yahudi ini diperluaskan dari 60 kilometer persegi kepada lebih 100 kilometer persegi [1 kilometer persegi bersamaan 247.11 ekar] meliputi seramai 70,000 populasi Arab berbanding 100, 000 Yahudi di Barat Baitul Maqdis. Sumber Arab dalam laporan tersebut pula bagaimanapun menyatakan jumlah penduduk adalah lebih tinggi di Bandar Lama dan sekitarnya dengan anggaran sekitar 130 ribu orang dan daripada jumlah itu, lebih 60 ribu telah melarikan diri ke Jordan atau bekerja di luar negara. Laporan Thälmann juga menyatakan bahawa 12 ahli Majlis Perbandaran Baitul Maqdis yang bertugas sebelum 1967 telah dipecat termasuk datuk bandar Baitul Maqdis. Secara keseluruhannya wakil khas PBB ini merumuskan dalam laporan beliau bahawa;

the Secretary-General's representative noted that the Arabs of East Jerusalem ... were opposed to civil incorporation into the Israeli State system. They regarded that as a violation of the acknowledged rule of international law which prohibited an occupying Power from changing the legal and administrative structure in the occupied territory and at the same time demanded respect for private property and personal rights and freedoms. It was repeatedly emphasized that the population of East Jerusalem was given no opportunity to state for itself whether it was willing to live in the Israel State community ... the right of self-determination, in accordance with the United Nations Charter and the Universal Declaration of Human Rights, had therefore been violated (Laporan Thälmann, 1967).

Penaklukan wilayah timur Baitul Maqdis dalam perang ini kemudiannya telah menyaksikan perubahan yang lebih besar terhadap lanskap dan peta Baitul Maqdis. Hal ini termasuklah perubahan ketara dari segi peta tempat-tempat suci bagi penganut Judaisme dengan kemasukan beramai-ramai komuniti Yahudi. Proses pertambahan penduduk Yahudi ini membawa bersama identiti Judaisme ke kawasan Tembok Ratapan dan beberapa lagi lokasi suci di kawasan ini yang sejak kali terakhir dikuasai oleh Israel pada tahun 1948. Sejak tahun 1967 ini, proses penyahudian lokasi-lokasi suci Islam dilaksanakan dengan lebih agresif. Pentadbiran tentera dan awam Israel berganding bahu dalam proses men'Yahudi'kan wilayah ini dengan mengikis segala warisan sejarah Palestin dan tamadun Arab Islam (Bar, 2018).

PROSES PENYAHUDIAN BAITUL MAQDIS SELEPAS PERANG 1967

Sepertimana yang dilakukan oleh regim Israel sejak tahun 1948 dan dibincangkan dalam bahagian awal makalah ini, setelah Israel menakluki wilayah timur Baitul Maqdis dan disatukan dengan wilayah barat pada perang tahun 1967, maka proses menukar identiti kota tersebut sebagai sebuah bandar Yahudi diteruskan dengan lebih agresif lagi. Penyatuan pentadbiran baru ini juga membabitkan proses pembesaran sempadan Baitul Maqdis melalui pendudukan dan rampasan tanah-tanah di kawasan Tebing Barat. Sebaik tamatnya perang Jun 1967, Israel telah serta merta memasukkan (*annexed*) lebih 70,000 *dunums* (1 *dunam* bersamaan 1,000 meter persegi) tanah di Tebing Barat ke dalam sempadan baharu perbandaran Baitul Maqdis dan undang-undang Israel pula dikuatkuasakan di kawasan ini. Kawasan baharu ini melebihi luas Baitul Maqdis asal

ketika pemerintahan Jordan (sekitar 6,000 *dunums*) meliputi tambahan lebih 64,000 *dunums*. Kawasan yang disatukan di bawah pentadbiran Israel di Baitul Maqdis ini meliputi lebih 28 buah kampung Palestin dengan sebahagiannya berada di bawah pentadbiran daerah Bethlehem dan Beit Jala. Wilayah baharu itu kini didiami lebih 350,000 penduduk Palestin dan sekitar 209,000 imigran Yahudi (B'tselem, 2017). Lanjutan daripada tindakan regim Zionis ini, dianggarkan lebih 120 ribu penduduk Arab di Baitul Maqdis dan sekitarnya telah diklasifikasikan sebagai 'penduduk asing' (resident aliens) oleh Israel. Jumlah penduduk asing ini adalah sebahagian daripada suku juta penduduk Arab Palestin dari wilayah Baitul Maqdis Timur yang ditakluki sejak 1967 sehingga tahun 2006, dan mereka hanya diiktiraf sebagai 'Penduduk Tetap' (*Permanent Resident*) sahaja serta bukannya berstatus warga negara (Rashid, 2006). Status ini bermakna mereka tidak diiktiraf sebagai warga Israel dan Baitul Maqdis serta dinafikan segala hak di wilayah ini termasuklah hak untuk mengundi dalam pilihanraya Israel kecuali terlibat dengan pilihanraya majlis perbandaran Baitul Maqdis dan diberikan kad identiti Israel (Plumbo, 1990)

Selain daripada penyatuan pentadbiran wilayah Timur Baitul Maqdis dan wilayah Barat, Israel turut memperkenalkan pelbagai undang-undang baru untuk mengabsahkan tindakan mereka. Lanjutan daripada termaktubnya undang-undang baharu ini, maka Israel kian agresif menukar lanskap dan identiti Arab Islam di Baitul Maqdis. Bagi tujuan ini, Israel telah mengambil tindakan merampas tanah-tanah milik penduduk Arab setelah tamatnya Perang 6 hari tadi. Tanah-tanah milik penduduk Arab yang dirampas ini kemudiannya dibina pertempatan haram pendatang Yahudi. Dianggarkan sehingga Januari 1968, lebih 10 ribu pendatang haram Yahudi turut dibawa masuk untuk menduduki tanah-tanah Arab yang dirampas tadi. Selain di Baitul Maqdis, turut diduduki ialah wilayah di sepanjang Jalan Ramallah, wilayah Pergunungan Scopus dan Pergunungan Olives. Antaranya termasuklah pembinaan penempatan haram Yahudi French Hill dan Ramat Eshkol di kawasan ini. Pada April tahun yang sama, lebih 1,740 ruang dan 116 kedai di kawasan Kuarters Yahudi di Baitul Maqdis kepunyaan penduduk Arab telah dirampas dan dipindahmilik kepada pendatang haram Yahudi, manakala pada bulan Ogos 1970 pula kerajaan Israel telah merampas lebih 2 ribu ekar tanah di perkampungan Sharafat, selatan Baitul Maqdis dan kemudiannya dibina lebih 10 ribu pangsapuri untuk pendatang haram Yahudi yang dikenali sebagai sebahagian penempatan separa bandar Gilo (Benvenisti, 1988).

Proses rampasan tanah dan harta penduduk Palestin di Baitul Maqdis Timur telah dilakukan melalui lima peringkat. Bermula pada Januari 1968 seluas 1,000 hektar yang kebanyakannya di Sheikh Jarrah dirampas untuk dibina penempatan haram Yahudi. Seterusnya ialah 3,500 ekar tanah milik penduduk Palestin dirampas pada Ogos 1970 bagi projek pembinaan penempatan Yahudi di Ramat, East Talpiot, Gilo and Neve Ya'acov, dengan anggaran menempatkan penduduk haram Yahudi seramai 101,000 orang. Projek seterusnya ialah pada bulan Mac 1980 yang menyaksikan rampasan tanah milik penduduk Palestin seluas 1,100 ekar bagi membina projek penempatan haram Yahudi seramai 50 ribu orang menjelang tahun 1995 di Pisgat Ze'ev. Kemudiannya, rampasan tanah turut dibuat pada bulan April 1992 membabitkan rampasan tanah seluas 500 ekar bagi membina 2,100 buah pangsapuri Ramat Shuf'at untuk menempatkan pendatang haram Yahudi. Semua penempatan haram Yahudi ini bertujuan meningkatkan populasi Yahudi daripada 180 ribu orang menjelang tahun 1995 kepada lebih 220 ribu orang pada tahun 2000 (Alternative Information Centre, 1995; Kaminker, 1994)

Tindakan Israel ini dibantah oleh kepimpinan masyarakat Arab di Baitul Maqdis selain daripada PBB dan sekutunya sendiri iaitu Amerika Syarikat. Contohnya, setelah parlimen Israel mengisytiharkan *annexation* tadi, pada 28 Jun 1967 Jabatan Negara Amerika Syarikat kemudiannya mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa, "*the hasty administrative action today cannot be regarded as determining the future of the holy places or the status Jerusalem in relation to them*" (Palumbo, 1990). Pada 4 Julai 1967

pula, Perhimpunan Agung PBB mengisytiharkan Resolusi 2253 (ES-V) yang mendesak Israel supaya “*rescind all measures taken and to desist forthwith from taking any action which alters the status of Jerusalem.*” Kepimpinan Arab di Baitul Maqdis pula telah menghantar memorandum bantahan yang ditandatangani oleh 22 pemimpin terkemuka Arab Baitul Maqdis kepada pihak berkuasa tentera Israel di Tebing Barat pada 24 Julai menegaskan bahawa mereka menolak pengiktirafan sebarang kedaulatan Israel terhadap wilayah Baitul Maqdis dengan justifikasi bahawa parlimen Israel tidak mempunyai hak untuk *annexation* wilayah negara lain. Pemimpin-pemimpin ini termasuklah bekas datuk bandar Baitul Maqdis yang disingkirkan, Ruhi al-Khatib, presiden Mahkamah Rayuan Islam dan mufti besar Baitul Maqdis- Sa’aduddin al-Alami. Selanjutnya pada 22 Ogos, satu *fatwa* telah dikeluarkan atas nama kepimpinan Islam Baitul Maqdis yang turut disebarkan ke seluruh dunia Arab dengan menyatakan bahawa umat Islam mengiktiraf hak penduduk Yahudi untuk beribadat di Tembok Ratapan tetapi menegaskan bahawa kedaulatan umat Islam ke atas tanah suci itu tidak boleh dicabul selaras dengan persetujuan yang dicapai pada era mandat British (Benvenisti, 1976)

Sementara itu di PBB pula, beberapa resolusi telah diluluskan mengecam dasar rampasan tanah dan pembinaan penempatan haram Yahudi ini sejak selepas tahun 1967. Ketetapan yang paling keras antaranya ialah pada Resolusi 465 (180) yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB pada Ogos 1980 yang dengan tegas menyebut ‘*strongly deplored*’ dasar Israel tadi dan menyatakan,

expressed deep concern over the consequences of the settlements policy for the local Arab and Palestinian population, and for the peace efforts. Selanjutnya Majlis Keselamatan PBB menegaskan lagi ‘*Reiterating and strengthening previous statements, the Council called the settlements policy and practices “a flagrant violation” of the Fourth Geneva Convention and “a serious obstruction” to achieving peace in the Middle East*’.

PBB turut mendesak regim Zionis dan penduduk Israel untuk “*to rescind the measures taken, to dismantle the existing settlements and to cease urgently all settlement activities.*” Turut diserukan dalam resolusi ini kepada semua negara dunia supaya “*not to provide Israel with any assistance to be used specifically in connection with settlements in the occupied territories*” (SC Resolution 465, 1980).

Laporan yang dikeluarkan oleh The Israeli Information Centre for Human Rights in The Occupied Territories pula menyatakan bahawa kebanyakan tanah Arab yang dirampas tadi adalah tanah-tanah persendirian milik penduduk Arab. Di atas tanah itu kemudiannya kerajaan Israel mendirikan kawasan perumahan baru untuk imigran haram Yahudi. Dianggarkan selepas perang 1967, lebih 35 ribu unit rumah untuk imigran haram Yahudi telah didirikan di tanah yang dirampas ini tanpa sebarang pampasan kepada tuan tanah yang berkenaan. Daripada jumlah ini tidak ada satu pun rumah dibina untuk komuniti Palestin (B’tSelem, 2017). Hakikatnya sejak tahun 1967, kerajaan Israel telah merampas lebih tiga per empat tanah yang digabungkan dalam perbandaran Baitul Maqdis dengan anggaran keluasan sebanyak 24,500 *dunams* yang asalnya milik penduduk Palestin. Di atas tanah ini kemudiannya dibina lebih 11 kawasan penempatan baru imigran haram Yahudi. Penempatan baharu imigran haram Yahudi di Baitul Maqdis Timur tertumpu di beberapa kawasan misalnya di daerah Holy Basin menganjur ke selatan (daerah Silwan dan Ras al-’Amud), ke timur (di at-Tur dan Abu Dis) serta ke utara (di Sheikh Jarrah), manakala sebahagian lagi secara strategik di sepanjang jalan utama menuju ke Bandar Lama, termasuklah di kawasan Kuarters Muslim dan Kristian di Bandar Lama. Sementelah itu, sebuah NGO Israel, *Ir Amin* melaporkan bahawa sejumlah 28,000 imigran haram Yahudi telah ditempatkan di kawasan perumahan baharu di Timur Baitul Maqdis yang dijajah (B’tSelem, 2017)

Turut dibina di wilayah Baitul Maqdis Timur yang dijajah ini ialah zon-zon khas yang digazetkan sebagai kawasan taman awam (kawasan hijau) dan sebarang pembangunan adalah diharamkan di kawasan ini. Berdasarkan kepada peta topografi dalam Pelan Induk Jerusalem 2000, daripada 70 kilometer persegi wilayah Baitul Maqdis yang ditakluki pada 1967, 35 peratus telah diperuntukan untuk menempatkan penempatan penempatan haram Yahudi dan 35 peratus lagi tidak dibenarkan sebarang penempatan serta digazetkan sebagai 'kawasan hijau'. Manakala hanya 13% sahaja dari keseluruhan wilayah Baitul Maqdis yang ditakluki diperuntukan untuk penempatan Arab Palestin. Lokasi komuniti Arab Palestin yang kecil ini menjadikan kawasan penempatan Arab sangat padat dan menghadkan sebarang pembinaan perumahan tambahan. Bagi penduduk Yahudi pula dalam banyak kes, kawasan yang digazetkan sebagai 'kawasan hijau' tadi turut dibina penempatan Yahudi. Contohnya ialah di 'kawasan hijau' di daerah Shuafat yang ditukar status untuk dibina bangunan penempatan Ramat Sholomo untuk penduduk Yahudi Ultra-Ortodoks (AbuZayyad, 2013).

Berhubung pengazetkan kawasan hijau ini, selepas tahun 1967 sekurang-kurangnya empat buah kawasan telah digazetkan sebagai kawasan hijau untuk taman awam dan kawasan ini asalnya ialah tanah-tanah milik persendirian penduduk Palestin. Salah satu contohnya ialah tindakan Jewish National Fund (JNF) untuk merampas dan kemudiannya mewujudkan 'Jerusalem Forest' di kawasan cerun di barat Baitul Maqdis. Di kawasan ini kemudiannya ditanam ribuan pokok-pokok dalam projek yang digambarkan sebagai '*encircle Jerusalem with a green belt*' (Pappe, 2006). Projek ini ke sebelah barat melibatkan rampasan tanah di perkampungan Beit Horish yang telah dimusnahkan sejak tahun 1949. Di sebelah selatan pula projek ini menganjur sehingga memusnahkan kawasan kejiranan Arab di Ayn Karim dan kemusnahan rumah penduduk di perkampungan Beit Mazmil. Kawasan hutan ini kemudiannya diperluaskan lagi sehingga ke Deir Yassin, Zuba, Sataf, Jura dan Beit Umm al Meis. Di perkampungan Sataf yang telah dimusnahkan sejak tahun 1948 pula telah dibina model kawasan pertanian kuno dikenali sebagai *kadum* bagi tujuan pelancongan (Pappe, 2006).

Seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini, dari keseluruhan wilayah timur Baitul Maqdis yang ditakluki, hanya 13% sahaja tanah (8.5% daripada keseluruhan perbandaran Baitul Maqdis) diperuntukan kepada penduduk Arab Palestin walaupun penduduk Arab Palestin merangkumi 40% daripada keseluruhan populasi di seluruh Baitul Maqdis. Akibat pertambahan populasi Arab Palestin pula, ruang kecil yang diperuntukan ini menjadi sangat padat menyebabkan ramai penduduk Palestin terpaksa membina rumah tanpa permit daripada kerajaan. Majlis Perbandaran Jerusalem misalnya menganggarkan sehingga tahun 2004, antara 15,000 hingga 20,000 perumahan tanpa permit telah dibina oleh penduduk Arab Palestin di kawasan yang digazetkan tadi. Keadaan ini menyebabkan pihak Majlis Perbandaran Jerusalem telah mengambil tindakan meruntuhkan rumah-rumah yang didirikan oleh penduduk Arab. Dianggarkan antara tahun 2004 sehingga Disember 2018 lebih 803 rumah rakyat Palestin yang dibina tanpa permit telah dirobuhkan.

Sementara itu, tanpa mengendahkan kritikan masyarakat antarabangsa, kecaman PBB mahupun kedaulatan undang-undang, pihak penakluk Zionis berterusan menjalankan dasar penyahudian Baitul Maqdis ini dengan mengusir keluar penduduk Arab Palestin selepas tahun 2000. Menurut laporan oleh International Component Coordinator di pejabat Majlis Bagi Pelarian, Norway bahawa di Baitul Maqdis jumlah penduduk Palestin yang dihalau dari wilayah yang ditakluki oleh Israel sejak tahun 1967 dianggarkan telah meningkat dengan drastik dan amat membimbangkan. Koordinator persatuan tersebut, Brona Higgins (2016) melaporkan bahawa pada tahun 2015 sahaja lebih 263,000 penduduk Arab telah dihalau sehingga membawa kepada ketegangan yang terjadi pada tahun 2016. Menurut Higgins keadaan ini disifatkan sebagai, '*the trajectory is extremely depressing*'. Faktor yang menyebabkan hal ini terjadi ialah berpunca daripada perlaksanaan pelan diskriminasi, penwujudan zon khas dan penguatkuasaan keperluan

permit oleh regim Israel. Tidak ketinggalan juga ialah pemusnahan besar-besaran harta awam, pengusiran secara paksa, rampasan tanah, gangguan terhadap bantuan kemanusiaan, perluasan penempatan haram Yahudi, keganasan pendatang Yahudi, pembinaan tembok pemisah, kawalan perjalanan dan penghapusan hak penduduk Arab.

Menurut Higgins lagi, matlamat utama dasar penyahudian Israel melalui kaedah rampasan tanah ialah untuk mengubah lanskap populasi Baitul Maqdis kepada 70 peratus penduduk Yahudi dan kurang 30% Arab sepertimana yang ditetapkan dalam Pelan Induk Jerusalem 2000. Higgins juga mengingatkan bahawa sejak tahun 1967, Israel telah melaksanakan proses bancian (*census*) dengan penduduk Palestin yang masih tinggal secara fizikal di Baitul Maqdis sahaja diberikan status Penduduk Tetap (PR). Dari segi demografi, perlu diingat juga bahawa sebenarnya tidak ada sebarang penduduk Yahudi di Timur Baitul Maqdis sehingga Mei 1967. Namun selepas penaklukan kota ini dalam Perang Enam 1967, populasi Yahudi telah meningkat dengan mendadak kepada 181,457 ribu dan sehingga tahun 2006, pertambahan telah meningkat kepada sekitar 42 peratus daripada keseluruhan penduduk Baitul Maqdis Timur (AbuZayyad, 2013).

Visi dan polisi penyahudian Israel ini sememangnya disokong oleh parti-parti politik utama dalam kerajaan sejak tahun 1967. Antaranya termasuklah Parti Herut yang dipimpin oleh Menachem Begin, parti berhaluan sekular seperti Parti Mapai dan parti-parti politik berorientasi agama seperti Parti Mafdal yang menganggap penaklukan Baitul Maqdis sebagai 'tanah kurniaan Tuhan' (Galia, 2015). Seperti mana laporan oleh Higgins tadi dan yang terkandung dalam Pelan Induk Jerusalem 2000, proses penyahudian akan berterusan bagi mewujudkan kota yang majoriti penduduknya ialah Yahudi. Malahan pada 5 Mei 2009, datuk bandar Baitul Maqdis, Nir Barkat mengakui Pelan Induk Jerusalem 2000 sehingga tempoh 2020 ini berfungsi sebagai alat paling berkesan untuk mengawal 'imbangan demografi' antara populasi Arab dan Yahudi di Baitul Maqdis. Salah satu strategi pelan ini ialah untuk mengisolasi kejiwaan Palestin antara satu sama lain dan meningkatkan jumlah populasi Yahudi di bandar ini melalui pemilihan keutamaan zon penempatan dan pelan pembinaan perumahan yang bermatlamat untuk memastikan dominasi Israel di bahagian Barat dan Timur Baitul Maqdis (AbuZayyad, 2013). Hakikatnya penaklukan Baitul Maqdis dan proses Penyahudian ini juga mendapat dukungan daripada majoriti penduduk Yahudi yang terpengaruh dengan sentimen agama dan semangat patriotisme yang berkobar-kobar. Kajian Segev (2017) menunjukkan bahawa bukan sahaja komuniti agama Yahudi tetapi golongan sekular Yahudi termasuklah dalam kalangan generasi muda yang berfahaman sekular mula menunjukkan kemunculan sentimen ikatan dan emosi baharu dengan tanah suci yang dijajah ini. Sentimen awam ini disedari oleh kerajaan dan menjadi asas sokongan yang meyakinkan kepimpinan regim Zionis itu untuk meneruskan penaklukan Baitul Maqdis dan selanjutnya melanjutkan proses penyahudian kota ini (Galia, 2015).

Sementara itu, menurut Gershon Baskin, pengerusi bersama *Israel-Palestine Creative Regional Initiatives* bahawa sehingga tahun 2016 penduduk Arab Palestin di Baitul Maqdis ialah seramai 360,000 penduduk Palestin dengan majoriti mereka berstatus sebagai 'Penduduk Tetap' (PT) yang diberikan kad pengenalan biru (*Blue ID*) untuk pengenalan sebagai PT dan bukan warganegara di Baitul Maqdis (Baskin, 2016). Mereka ini juga memiliki dokumen perjalanan Jordan tetapi tidak dianggap sebagai warga Jordan mahupun Israel. Status sebagai PT yang sama juga diberikan kepada imigran baru Yahudi. Walau bagaimanapun, penduduk Yahudi yang tinggal di Baitul Maqdis diberikan status 'warganegara'. Status sebagai PT ini dianggap sebagai '*significantly inferior*' berbanding dengan taraf sebagai warga negara, dan komuniti PT ini dianggap sebagai rakyat kelas kedua atau '*second-class citizens in their own home*'. Bagi Higgins (2016) pula, sistem ini sebagai '*a silent transfer*' atau '*quiet deportation*'. Hal ini memandangkan pelbagai syarat tidak masuk akal dikenakan kepada penduduk Palestin antaranya ialah penduduk Palestin dikehendaki membuktikan bahawa '*centre of life*' mereka adalah di Baitul Maqdis Timur sekurang-kurangnya untuk tempoh tujuh tahun. Kesannya ramai

penduduk Arab Palestin di Baitul Maqdis Timur telah diklasifikasikan sebagai penduduk tanpa kewarganegaraan (*stateless*). Hal ini disebabkan peraturan Israel yang menyatakan bahawa sebarang 'ketidakhadiran' (*absence*) misalnya keluar negara bagi tujuan pendidikan, kerja, perkahwinan atau memegang kewarganegaraan lain akan mengakibatkan taraf PT mereka akan dilucutkan. Sejak tahun 1967 sehingga 2016, lebih 15 ribu penduduk Palestin di Baitul Maqdis Timur telah dilucutkan taraf PT mereka menjadikan status mereka sebagai *stateless* dan pendatang haram (AbuZayyad, 2013; Higgins, 2016).

Kemudahan perkhidmatan asas di kawasan Arab di Baitul Maqdis seperti kemudahan pendidikan untuk anak-anak Palestin, pejabat kebajikan sosial dan kemudahan kesihatan juga amat menyedihkan. Sebagai contoh, hanya terdapat enam klinik kesihatan sahaja di kejiranan Palestin berbanding 27 pusat kesihatan di kejiranan Yahudi. Majlis Perbandaran juga menyediakan hanya empat pejabat perkhidmatan sosial di kejiranan Palestin berbanding 19 di kejiranan Yahudi walaupun lebih 76% penduduk dan 83% kanak-kanak di kejiranan Palestin ini hidup di bawah paras kemiskinan di Baitul Maqdis Timur (B'tSelem, 2017). Peruntukan pembangunan keperluan asas antara wilayah Baitul Maqdis Barat yang majoritinya penduduk Yahudi juga adalah lebih tinggi berbanding dengan di wilayah Baitul Maqdis Timur yang ramai dihuni oleh penduduk Arab. Sehingga tahun 2014, 62.3% penduduk di Baitul Maqdis Barat menerima 89.3% bajet peruntukan daripada Majlis Perbandaran Jerusalem berbanding hanya 37.7% penduduk Baitul Maqdis Timur iaitu sebanyak 10.7% daripada keseluruhan bajet. Diskriminasi ini menyebabkan jurang taraf hidup yang meluas antara dua wilayah Baitul Maqdis termasuklah peningkatan kos hidup yang tinggi di wilayah timur. Contohnya 90% kemudahan elektrik, air dan sistem kumbahan terletak di Baitul Maqdis Barat sehingga menyebabkan penduduk di bahagian timur terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan akses kemudahan asas ini termasuk membeli bekalan air bersih daripada syarikat swasta dengan kos yang tidak munasabah (AbuZayyad, 2013).

Selain itu, kemudahan bank-bank Arab juga telah ditutup di wilayah yang diduduki manakala matawang Israel dan sistem percukaian Israel turut diimplementasikan. Proses penyahudian pendidikan ini dilaksanakan ke atas penduduk Baitul Maqdis Timur khususnya, dan penduduk Tebing Barat amnya. Dari segi pendidikan pula, peruntukan yang diberikan kepada Baitul Maqdis Timur amat rendah. Kajian oleh Ziad AbuZayyad (2013) menunjukkan sehingga tahun 2000, 70 ribu pelajar di sekolah-sekolah kendalian Majlis Perbandaran Jerusalem telah berhenti daripada persekolahan akibat daripada kekurangan bilik darjah dan keadaan ekonomi yang teruk di Baitul Maqdis Timur. Pertubuhan NGO, *Ir Amim* pula menganggarkan sehingga tahun 2017, bahawa terdapat kekurangan lebih 2,557 bilik darjah di kejiranan Palestin dan lebih $\frac{3}{4}$ kanak-kanak Palestin ini tidak berpeluang menghabiskan 12 tahun tempoh persekolahan mereka yang sepatutnya.

Dari segi struktur kurikulum dan buku teks pula, semua isi kandungannya ditetapkan mesti berorientasikan pro-Israel sejak tahun 1967. Misalnya mulai 8 Ogos 1967, atas arahan tentera Israel lebih 73 buku teks daripada keseluruhan 123 buku teks yang selama ini digunakan di wilayah Tebing Barat dan Baitul Maqdis diharamkan. Menurut pihak tentera Israel, buku-buku teks sekolah ini mengandungi 'elemen yang berniat memupuk kebencian terhadap Israel dan komuniti Yahudi' walaupun hakikatnya buku-buku teks ini sebenarnya tidak mengandungi elemen anti-Israel. Regim Israel juga mengharamkan sebarang elemen dalam buku teks yang menyentuh tentang sejarah nasionalisme Palestin atau apa sahaja bentuk kenyataan yang mengaitkan Palestin dengan budaya Arab. Antaranya termasuklah pengharaman kesusasteraan dan puisi Palestin, sejarah perang 1948 dan sejarah Perang Salib (Munir, 1984).

Dasar Israel ini sememangnya bertentangan dengan konvensi dan undang-undang antarabangsa yang ditandatangani oleh Tel Aviv sendiri. Dalam *The International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*, artikel 5 (e) [iii] dan

[v] misalnya dengan jelas melarang sebarang bentuk diskriminasi dari segi hak kemudahan awam termasuk perumahan dan Pendidikan. (United Nations Human Rights, 1965). Sebagai tambahan, dasar Israel ini melanggar prinsip hak asasi manusia dari segi hak perumahan dalam Artikel 1, *The International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* yang menyatakan '*the right of everyone to an adequate standard of living for himself and his family, including adequate food, clothing and housing, and to the continuous improvement of living conditions.*' Apatah lagi Israel sebagai penandatangan kepada Konvenan ini telah menjamin sebagaimana dinyatakan dalam Artikel 2 [2] bahawa, "*that the rights enunciated ... will be exercised without discrimination of any kind*". (United Nations Human Rights, 1966). Di bawah undang-undang antarabangsa pula, tindakan Israel ini jelas bercanggah dengan prinsip undang-undang antarabangsa kerana status Baitul Maqdis Timur ialah sebagai sebuah 'tanah jajahan' sama seperti wilayah lain di Tebing Barat. Justeru dalam, Konvensyen Geneva menegaskan bahawa kuasa penjajah tidak berhak untuk melakukan sebarang perubahan kekal terhadap tanah jajahan atau mewujudkan penempatan populasi baru di wilayah yang dijajah (Pappe, 2006; Geneva Convention, 1949).

Bagi regim Israel dan masyarakat Yahudi, mereka mendakwa bahawa penaklukan wilayah ini seterusnya pelaksanaan proses penyahudian adalah sah dari segi undang-undang antarabangsa dan Israel mempunyai hak kedaulatan (*sovereignty*) terhadap kota suci ini. Bagi pelampau Zionis, mereka mendakwa Baitul Maqdis adalah bandar warisan Yahudi berdasarkan sejarah 2,000 tahun penempatan Yahudi di kota ini, dan kerana kononnya Raja David pernah membina kuil di situ. Namun, dakwaan ini disanggah oleh ahli sejarah dan sarjana undang-undang antarabangsa kerana tuntutan '*sovereignty*' Israel ke atas Baitul Maqdis itu tidak mempunyai asas undang-undang yang kukuh. Rumusan oleh Kattan (2011) dalam hal ini misalnya menegaskan bahawa *to use the notion of sovereignty to legitimate exclusive Jews claim to Jerusalem based on 2,000-year-old historical event is misplaced*. Dari segi sejarah pula, ketika era mandat British (1923-1948) kerajaan kolonial turut mengiktiraf wilayah Baitul Maqdis ini sebagai wilayah Arab Islam dengan kewujudan Kompleks Haram El-Sharif. Malahan pihak British juga menegaskan bahawa Tembok Ratapan Yahudi atau The Wailing Wall juga adalah sebahagian daripada kompleks Haram Es-Sharif yang merupakan milik umat Islam. Pihak kerajaan kolonial dalam Laporan Löfgren pada tahun 1931 mengesahkan bahawa kawasan ini adalah tanah-tanah *waqf* milik umat Islam;

- i. To the Muslims belong the sole ownership of and the sole proprietary right to, the Western Wall, as integral part of al-Haram el-Shariff.
- ii. To the Muslims also belongs the pavement in front of the Wall and of the adjacent Maghribi (Moroccan) quarter opposite...[which was] made waqf under Muslim Shariah Law, it being dedicated for charitable purposes (Löfgren Report, 1931)

Hal yang sama pernah diakui sendiri oleh pemimpin terkenal Zionis, Dr. Chaim Weizmann dalam Artikel VI, Perjanjian Weizman-Feisal pada tahun 1919 yang menyatakan bahawa '*the Mohamedan Holy Place shall be under Mohamedan control*' (Israel Ministry of Foreign Affairs, 1919). Justeru, berdasarkan perspektif undang-undang dan sejarah, tindakan penaklukan dan kemudiannya penyahudian Baitul Maqdis oleh regim Zionis bukan sahaja bertentangan dengan undang-undang malahan tidak mempunyai sebarang keabsahan sejarah.

Selanjutnya seperti yang disentuh dalam bahagian awal makalah ini, sejak tahun 1948 regim Israel berterusan menjalankan usaha untuk mengikis warisan kebudayaan dan sejarah Arab-Islam di bumi Palestin amnya, dan di bandar Baitul Maqdis khususnya. Dasar ini termasuklah tindakan mengambil alih bangunan, tanah dan monumen sejarah yang bercirikan warisan Islam untuk ditukar kepada elemen kebudayaan Yahudi dan Judaisme. Tujuan utama dasar ini dilaksanakan ialah untuk menghapuskan karakter

bandar Arab-Islam dan menonjolkan identiti baharu kota Yahudi. Menurut Ziad AbuZayyad (2013) sejak tahun 1967, golongan kanan Yahudi dan organisasi NGO Yahudi seperti *Elad* atau *Ateret Cohanim* sangat aktif mempromosikan imigrasi Yahudi ke bandar lama Baitul Maqdis. Tujuan utama mereka ialah untuk mengubah karakter atau identiti Arab-Islam kepada Yahudi-Judaisme. Dalam hal ini Pihak Berkuasa Antikuiti Israel (The Israel Antiquities Authority - IAA) diberikan tanggungjawab untuk mengawalselia dan memulihara tapak warisan di kawasan Bandar Lama Baitul Maqdis. Justeru sebarang aktiviti di kawasan ini mestilah mendapat permit sah daripada IAA.

Salah satu contoh kelulusan kontroversi yang dibuat oleh IAA ialah projek eskavasi di bahagian selatan perkarangan Masjid Al-Aqsa. Projek ini dilaksanakan dari kawasan Taman Negara di perkampungan Silwan bertujuan untuk membawa masuk lebih ramai pelancong Yahudi antarabangsa ke Bandar Lama Baitul Maqdis (The Old City). Proses mengorek tanah dan eskavasi ini dilaksanakan bertujuan untuk mengukuhkan tuntutan komuniti Yahudi ke atas tapak warisan di Baitul Maqdis Timur, seterusnya mengikis kesan warisan Islam termasuklah kewujudan Masjid al-Aqsa. Proses bagi menarik lebih ramai pelancong Yahudi antarabangsa ini turut melibatkan pembinaan terowong khas dari perkampungan Silwan ke plaza Tembok Ratapan bagi mewujudkan 'jejak perjalanan sejarah silam' yang menghubungkan Bandar Lama Baitul Maqdis, Bandar Raja David dan Tembok Kota Ophel dengan naratif legenda Kerajaan Yahudi Judah dan Komanwel Ke Dua (AbuZayyad, 2013). Laporan oleh Committee on the Exercise of the Inalienable Rights of the Palestinian People (1997) pula memperincikan lagi projek eskavasi ini yang telah bermula sejak bulan Mac 1968. Laporan ini mendedahkan bahawa projek eskavasi tadi adalah inisiatif kelompok Rabbi Yahudi dan Kementerian Agama Israel. Terowong yang melalui Plaza Tembok Ratapan di Kuarters Yahudi ini adalah sepanjang lebih 500 meter dengan kedalaman 8.9 meter, diikuti dengan penyambungan terowong ke dua pada 1987 sekitar 80 meter panjang dan 7 meter dalam. Terowong ini dibina merentasi bangunan-bangunan bersejarah umat Islam termasuk Masjid Al-Aqsa dan kawasan penempatan umat Islam yang padat. Implikasi daripada projek ini akan membawa kepada kesan kerosakan khususnya struktur bangunan bersejarah umat Islam termasuklah Masjid al-Aqsa untuk jangka masa panjang.

Dalam proses penyahudian ini, Tel Aviv turut bersikap membiarkan tindakan-tindakan bersifat keganasan dan vandalisme berleluasa sehingga bukan sahaja merosakkan banyak monumen dan bangunan warisan Arab Islam, tetapi juga untuk menakut-nakutkan umat Islam daripada berziarah ke kawasan suci Baitul Maqdis. Contohnya pada bulan April 1981, seorang pelampau Yahudi telah membunuh tiga pengawal Palestin dan merempuh kawasan Masjid as-Sakra. Pelampau ini kemudiannya melepaskan tembakan rambang yang membunuh sembilan orang Arab dan mencederakan lebih 40 penziarah di kompleks Haram-Es Sharif. (Jordan Representative's Statement, 1982). Selanjutnya pada Januari 1988, polis Israel pula telah menembak gas pemedih mata yang mencederakan lebih 70 penduduk Arab di kawasan ini. Pada Oktober 1990, usaha oleh kumpulan Yahudi ekstrim, *The Temple Mount Faithful* untuk meletakkan batu asas kuil Yahudi di Masjid Al-Aqsa telah mengakibatkan pertempuran berdarah dengan 20 penduduk Arab yang sedang bersolat terbunuh dan lebih 150 lagi cedera parah diserang oleh askar Israel (*The New York Times*, 1996, 28 September). Pada September 1996 pula, keputusan regim Israel untuk membuka pintu masuk ke dua ke terowong arkeologi di kawasan penempatan Arab telah mengakibatkan bantahan umat Islam besar-besaran di Baitul Maqdis, Gaza dan Tebing Barat, diikuti dengan pertempuran ganas yang berakhir dengan kematian lebih 62 penduduk Palestin. Serangan ke atas Masjid Al-Aqsa oleh pelampau Yahudi ini turut berleluasa misalnya pada bulan Ogos 1969 yang mengakibatkan kerosakan teruk terhadap masjid termasuk mimbar masjid yang dibina pada era Salehudin al-Ayubi berusia lebih 800 tahun (Director General Of UNESCO, 1984). Begitu juga dengan cubaan untuk meletupkan masjid Al-Aqsa pada bulan Mei 1980 dan April 1981 oleh pelampau Yahudi (Jordan Representative's Statement, 1982).

Tindakan pelampau Yahudi ini turut berleluasa di seluruh wilayah Palestin yang ditakluki Israel. Sebagainya contoh ialah pada tahun 1993 apabila Masjid al-Nabi Rubin telah diletupkan oleh pelampau Yahudi manakala pada tahun 2000, masjid di Wadi Hawarith telah diserang dan dirosakkan oleh pelampau Yahudi. Kegiatan vandalisme juga dibiarkan berleluasa. Contohnya kompleks maqam Shaykh Shehade di perkampungan Ayn Ghazal yang telah dibakar pada tahun 2002. Manakala Masjid Araba'in di Baysan telah diserang pada bulan Mac 2004. Masjid al-Umari dan al-Bahr di Tiberia pula turut mengalami kerosakan yang teruk akibat diserang oleh pelampau Yahudi pada Jun 2004, diikuti dengan serangan Masjid Hassan Beik di Jaffa (masjid ini telah dilontar dengan batu dan kepala khinzir dengan nama Nabi Muhammad SAW ditulis di atas kepala bangkai ini). Contoh yang lain ialah tindakan meruntuhkan Masjid al-Salam di Zarughara dan makam Shaykh Sam'an berhampiran Kfar Saba yang dimusnahkan oleh penyerang Yahudi pada tahun 2005 (Pappe, 2006). Semua tindakan ini bukan sahaja merosakkan masjid tetapi bertujuan menakut-nakutkan dan menghalang umat Islam daripada mengunjungi masjid-masjid tadi. Setelah itu, kerajaan akan mempunyai alasan yang kukuh untuk mengambil alih bangunan dan tanah masjid dengan alasan bangunan atau kawasan itu terbiar dan tidak bertuan. Sementelah itu beberapa masjid turut dirampas dan ditukar menjadi rumah ibadat Yahudi atau *synagogue*. Contohnya ialah Masjid Wadi Unayn dan Masjid Yazur, masjid di kawasan maqam di Samakiyya (di Tiberia), dan masjid di kampung Kfar Inan dan Daliyya. Turut mengalami nasib yang sama ialah masjid Abasiyya berhampiran Lapangan Terbang Ben Gurion manakala Masjid Lifta di Baitul Maqdis ditukar menjadi bangunan *Mikweh* (rumah ritual permandian Yahudi untuk wanita) (Pappe, 2006).

Tindakan penyahudian Baitul Maqdis khususnya dan Palestin keseluruhannya dengan menukar identiti wilayah suci ini daripada identiti Arab Islam kepada Yahudi-Judaisme dilakukan secara sistematik dan berterusan, malah semakin galak selepas tahun 1967. Hal ini amat disedari dan dikutuk keras oleh seluruh masyarakat antarabangsa. UNESCO misalnya mengecam tindakan regim Zionis ini misalnya melalui deklarasi Persidangan Agung UNESCO yang dikeluarkan pada tahun 1968. Deklarasi ini dengan tegas menyatakan bahawa tindakan Israel ini bertentangan dengan *the UNESCO Constitution* dan *Convention for the Protection of Cultural Property in the Event of Armed Conflict, 1954*. (United Nations Treaty Series, 1954). Menurut kenyataan UNESCO '*the exceptional importance of the cultural property in the Old City of Jerusalem, particularly the Holy Places, not only to the States directly concerned but to all humanity, on account of their artistic, historical and religious value*'. UNESCO juga menggesa supaya dipatuhi segera Resolusi Perhimpunan Agung PBB 2253 (ES-V) yang mendesak regim Israel supaya '*to preserve scrupulously all the sites, buildings, and other cultural properties, especially in the Old City of Jerusalem*' dan '*to desist from any archaeological excavations, transfer of such properties and changing of their features or their cultural and historical character*' (UNESCO General Conference, 1968; United Nations General Assembly, 1967).

KESIMPULAN

Keabsahan sejarah merupakan asas penting dalam polisi imperialisme Israel di bumi Palestin. Malangnya bukti-bukti sejarah tidak memihak kepada tuntutan regim Yahudi ini. Semenjak zaman pra sejarah lagi, kesan dan rekod sejarah jelas menunjukkan bahawa wilayah Palestin termasuklah di Baitul Maqdis adalah tanah leluhur peribumi Arab yang diwarisi sejak zaman berzaman. Pakar-pakar arkeologi misalnya telah menyimpulkan bahawa penduduk Arab telah mengasaskan penempatan awal di kawasan ini sejak era Mesolithic melangkaui 10 ribu tahun dahulu (Albright, 1951). Malahan menurut ahli arkeologi British seperti Dame Kathleen Kenyon (1967) bahawa masyarakat Arab telah mengasaskan penempatan awal di Baitul Maqdis sejak 2,600 tahun Sebelum Masihi dan

tamadun Arab purba pula telah berkembang hebat khususnya oleh suku Arab Amorite di kota ini lebih 1800 tahun Sebelum Masihi, iaitu 800 tahun sebelum kedatangan komuniti pertama Yahudi di kawasan ini. Sarjana seperti Newton (1948) dengan tegas menyatakan bahawa '*the Arabs and not the Jews who have had the constant uninterrupted and continuous historical connection with Palestine and Jerusalem (Baitul Maqdis)*'. Sementelah itu, ahli antropologi terkemuka dari Scotland, Sir James George Frazer pula menyimpulkan dalam kajian beliau bahawa,

The Arab speaking peasants of Palestine are the decedents of the Pagan tribes which dwelt there before the Israelite invasions, and always clung to the soil ever since, being submerged but never destroyed by each successive wave of conquest which has swept over the land (Frazer, 1948).

Masyarakat antarabangsa turut mengiktiraf hakikat sejarah bahawa kota Baitul Maqdis ini adalah kota warisan Arab sebelum kedatangan Islam lagi dan berlanjutan sehingga era pemerintahan Turki Uthmaniyyah. Pada tahun 1931, sebuah jawatan kuasa yang ditubuhkan oleh pihak British dengan restu PBB mengeluarkan laporan yang dikenali sebagai Laporan Löfgren mengesahkan bahawa kota Baitul Maqdis adalah tanah warisan milik penduduk Arab. Hal ini termasuklah kawasan Tembok Ratapan yang didakwa oleh regim Israel sebagai tinggalan kuil Solomon.

Dalam usaha untuk menjustifikasikan tuntutan kota Baitul Maqdis berasaskan keabsahan sejarah, regim Yahudi kemudiannya telah secara sistematik sejak tahun 1948 berusaha memusnahkan bukti dan kesan-kesan warisan sejarah yang menonjolkan pemilikan dan identiti Arab-Islam terhadap kota lama ini. Justeru, Tel Aviv telah menubuhkan pelbagai agensi khususnya di bawah Kementerian Agama Israel untuk menukar dan memodifikasi identiti Arab-Islam di kota ini dengan pelbagai cara. Salah satunya ialah melalui proses pengambilalihan tapak warisan sejarah Arab Islam termasuklah kawasan permaqaman orang-orang soleh, masjid dan monument yang ditukar kepada identiti Yahudi- Judaisme. Melalui eksploitasi undang-undang haram yang dilaksanakan ke atas tanah jajahan mereka, imperialisme Zionis telah merampas tanah dan monumen warisan Arab Islam untuk di 'Yahudi'kan. Proses ini menjadi lebih agresif selepas penaklukan keseluruhan wilayah Baitul Maqdis ketika perang Arab-Israel tahun 1967. Masyarakat Arab-Islam yang masih tinggal pula dimarginalisasikan dalam segenap segi termasuklah menafikan hak mereka untuk mendapat pendidikan yang tidak diindoktrinasi dengan kurikulum Yahudi, selanjutnya mencairkan budaya dan jati diri Arab-Islam dalam kalangan mereka.

Proses penyahudian kota Baitul Maqdis sejak tahun 1948 dan menjadi semakin agresif sejak tahun 1967 turut melibatkan proses marginalisasi penduduk Arab di bandar tersebut. Selain daripada ramai dalam kalangan mereka tidak diiktiraf sebagai warga negara, mereka juga dinafikan hak dalam menikmati segala kemudahan asas yang mencukup termasuklah hak perumahan, kesihatan awam dan pendidikan. Selain itu, regim Zionis turut mengambil langkah agresif lagi sistematik untuk menghapuskan ciri-ciri warisan Arab-Islam di kota ini selanjutnya membina identiti Yahudi sebagai imej dan karakter teras kepada Baitul Maqdis. Proses ini dilakukan melalui undang-undang yang direkayasa oleh Tel Aviv tanpa melalui proses hukum yang sah. Tuntasnya, makalah ini jelas mencerakinkan bahawa polisi penyahudian yang dijalankan oleh regim Zionis benar-benar berlaku dan proses ini dilaksanakan secara sistematik dalam usaha mereka untuk melupuskan bukti-bukti serta mengubah fakta sejarah bahawa kota suci yang diduduki itu adalah milik peribumi Arab-Islam yang dizalimi

RUJUKAN

- al-'Arif. 'Arif (1961). *Tarikh al-Quds*. Maktabat al-Andalus.
- Abuzayyad, Z., Schenker, H. & Ross, I. (2013) *Jerusalem: Still Key to Any Future Israeli-Palestinian Agreement*. Friedrich Ebert Stiftung.
- Albright, F. (1951). *The Archeology of Palestine*. London: Penguins Book.
- Ali, Said Abu. (2016). *Proceeding International Conference on the Question of Jerusalem*. United Nations Division of Palestinian Right.
- Alternative Information Centre, *Jerusalem, The Other Front*, Issue No. 337, September 1995.
- B'tSelem, The Israeli Information Centre for Human Rights of the Occupied Territories. (1997). *A Policy of Discrimination: Land Expropriation, Planning and Building in East Jerusalem*. Report presented at a press conference held on 14 May 1995. Emek Refaim: B'tSelem, The Israeli Information Centre for Human Rights of the Occupied Territories. Diakses pada 22 Ogos 2021. https://www.btselem.org/publications/summaries/199505_policy_of_discrimination
- Bar, Doron. (2018). Between Muslim and Jewish Sanctity: Judaizing Muslim Holy Places in the State of Israel, 1948e1967. *Journal of Historical Geography*. 59, 69-70.
- Benvenisti, Meron (1976). *Jerusalem*. University of Minnesota Press.
- Bowman, G. (2012). *Sharing the Sacra: The Politics and Pragmatics of Inter-Communal Relations Around Holy Places*. Berghahn Book.
- BtSelem- The Israeli Information Centre for Human Rights in The Occupied Territories, 11 November 2017, https://www.btselem.org/publications/summaries/199505_policy_of_discrimination di akses pada 18/5/2021.
- Bull, O. (1976). *War and Peace in The Middle East*. Leo Cooper.
- Chiodelli, F. (2012). The Jerusalem Master Plan: Planning into the Conflict. *Jerusalem Quarterly*. 51, 5-20.
- Committee on the Exercise of the Inalienable Rights of the Palestinian People. (1997). *The Status of Jerusalem's Report*. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).
- Darwin, H. (1967, 28 Julai) [Laporan dari Government House, Jerusalem]. The National Archive (fail FCO 17/602). London.
- Director-General of UNESCO. (1984, Ogos). *A Report to the Executive Board* (Rekod 120 EX/14). The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).
- Falah, Ghazi. (1989). Israelization of Palestine Human Geography. *Progress in Human Geography*. 13(4), 535-536.
- Frazer, J. Sir. (1948). *Palestine the Reality*. Dlm. Newton F. (pnyt.). *50 Years in Palestine*. Coldharbour Press.
- Geneva Convention. (1949). *Geneva Convention Relative to the Protective of Civilian Persons in Time of War*. Diakses pada 10 September 2021. https://www.un.org/en/genocideprevention/documents/atrocities-crimes/Doc.33_GC-IV-EN.pdf.
- Gershon, B. (2006) *Proceeding International Conference on the Question of Jerusalem*. United Nations Division of Palestinian Right.
- Golan, Galia. (2015). *Israeli Peace Making Since 1967*. Routledge.
- Halabi, Rafik. (1985). *The West Bank Story*. Harcourt Brace Jovanovich.
- Hassner, R. (2009). *War on Sacred Grounds*. Cornell University Press.
- Higgins, B. (2006) *International Conference on the Question of Jerusalem*. United Nations Division of Palestinian Right.
- IMEMC: International Middle East Media Centre. (2006). *The Israeli Master Plan: Jerusalem 2000*. Diakses pada 3 Disember 2021. <https://imemc.org/article/20759/>.

- Israel Ministry of Foreign Affairs. (1919). *The Weizmann-Feisal Agreement*. Diakses pada 20 Ogos 2021. <https://www.mfa.gov.il/mfa/foreignpolicy/peace/mfadocuments/pages/the%20weizmann-feisal%20agreement%203-jan-1919.aspx>
- Jordan's Representative to Security Council. (1982, April 13). *Statement to the Security Council (Rekod S/PV.2352)*. Majelis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- Kaminker, Sara. (1994, 6-8 July). Presentation on "Looking ahead - Key issues", North American NGO Symposium on the Question of Palestine. Toronto, Canada.
- Kattan, V. (2011) *Competing claims, Contested City: The Sovereignty of Jerusalem Under International Law*. Paper presented in Arab League Conference on Jerusalem, 2-3 Februari, Doha.
- Kenyon, M. (1967). *Jerusalem Excavating 3000 Years of History*. Thames & Hudson.
- Khalidi, Rashid. (2006). *The Iron Cage: The History of the Palestinian Struggle for Statehood*. Beacon Press.
- Laporan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (1967). *Report of the Secretary-General under General Assembly Resolution 2254 (ES-V) Relating to Jerusalem (S/8146)* United Nation.
- Löfgren Report*. (1931). Her Majesty's Stationary Office (HMSO).
- Morris, B. (2001). *Righteous Victims: A History of the Zionist-Arab Conflict, 1881-2001*. Vintage.
- Munir Fasheh (1984). Impact on Education, Dlm. Nasser Aruri. Penyt. *Occupation Israel Over Palestine*. Zed Books.
- Munir, Nuseibah (2013). *Decades of Displacing Palestinian: How Israel does it*. Diakses pada 3 Disember 2021. <https://al-shabaka.org/briefs/decades-displacing-palestinians-how-israel-does-it/>.
- Newton, F. (1948). *50 Years in Palestine*. Coldharbour.
- Nijim, B.K. (1984). *Toward the de-Arabization of Palestine/Israel 1945-1977*. Kendall/Hunt Publishing Co.
- Oren, Michael Ben. (2002) *Six Days of War: June 1967 and the Making of Modern Middle East*. Ballantine Book.
- Pappe, Ilan. (2006). *The Ethnic Cleansing of Palestine*. One World Publication.
- Plumbo, M. (1990). *Imperial Israel: The History of Occupation of the West Bank and Gaza*. Bloomsbury Publication.
- Rabinovich, A. (1972). *The Battle for Jerusalem, June 5-7, 1967*. Jewish Publication Society of America.
- Reiter, Y. (1994). The Waqf in Jerusalem 1948-1990, Jerusalem. Dlm. M. Dumper (pnyt.). *Islam and Israel: Muslim Religious Endowments and the Jewish State* (hlm. 13-14). Washington DC.
- Said, E. (1995). Projecting Jerusalem. *Journal of Palestine Studies*. 25(1), 5-14.
- SC Resolution 465 (1980) / adopted by the Security Council at its 2203rd meeting, on 1 March 1980. Diakses pada 22 Ogos 2021. <https://digitallibrary.un.org/record/11767/?ln=en>
- Schleifer, A. (1972). *The Fall of Jerusalem*. Monthly Review Press.
- Segev, T. (2005). *1967 and the Country Bad a Change of Face*. Keter Publication.
- Segev, T. (2007). *1967: Israel, The War and The Year That's Transformed the Middle East*. Metropolitan Book.
- Smith, D (1988) *Prisoners of God*. Quartet Book.
- Stein, L. (2009). *The Making of Modern Israel, 1948-1967*. Polity Press.
- Suleiman, Yasir. (2011). *Arabic, Self and Identity: A Study in Conflict and Displacement*. London: Oxford University Press.
- Tafakji, Khalil. (2016) *Proceeding International Conference on the Question of Jerusalem*. United Nations Division of Palestinian Right.

- Tessler, M. (1994). *A History of the Israeli-Palestinian Conflict*. Indiana University Press.
- The New York Times*, 1996, 28 September.
- Tibawi, A. (1980). Special Report: The Destruction of an Islamic Heritage in Jerusalem. *Arab Studies Quarterly*. 2(2), 180-189.
- UNESCO General Conference. (1968, November 30). *Fifteenth Session, Resolution 3.343*. United Nations.
- United Nations General Assembly. (1967, July 4). Fifth Emergency Special Session (Resolution 2253 (ES-V)). Diakses pada 22 Ogos 2021. [https://undocs.org/en/A/RES/2253%20\(ES-V\)](https://undocs.org/en/A/RES/2253%20(ES-V))
- United Nations Human Rights. (1965). *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination, Resolution 2106 (xxx)*. Diakses pada 10 September 2021. <https://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/cerd.aspx>.
- United Nations Human Rights. (1966). *International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights, Resolution 220A*. Diakses pada 10 September 2021. <https://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/cescr.aspx>.
- United Nations Treaty Series. (1954). *UNESCO Constitution dan Convention for the Protection of Cultural Property in the Event of Armed Conflict, 1954*. Diakses pada 22 Ogos 2021. <http://www.unesco.org/new/en/culture/themes/armed-conflict-and-heritage/convention-and-protocols/1954-hague-convention/>
- Yiftachel, Oren. (2006). *Ethnocracy. Land and Identity Politics in Israel/Palestine*. University of Pennsylvania Press.